


# GEMPAK

WEEKLY EDITION



KELUANG MAN BUKTI KEGIGIHAN

**SHWETA & ANWAAR  
SEKHON & BEG MOGHAL**



Bulan Mei ini bakal menjadi detik bersejarah buat industri perfileman tempatan apabila filem blockbuster yang dinanti-nantikan iaitu *Keluang Man* akan menemui penonton di pawagam seluruh negara.

Versi filem *Keluang Man* diarahkan oleh pencipta bersama trilogi filem *Polis Evo* serta merupakan pengarah dan showrunner drama premium popular Projek: *High Council* dan Projek: *Anchor SPM*, Anwari Ashraf yang turut bertindak sebagai penulis skrip.

Tidak hanya tertumpu pada watak utamanya iaitu Nas Muammar Zar sebagai *Keluang Man*, filem ini juga turut menampilkan barisan pelakon hebat iaitu Datuk Remy Ishak dan Datuk Rosyam Nor.

Namun tidak ketinggalan terdapat dua lagi karakter penting yang dibawakan oleh Shweta Sekhon dan Anwaar Beg Moghal.

### **Shweta Sekhon sebagai Dr Malini**

Demi komitmen terhadap lakonan, Shweta Sekhon sanggup mengikat perut sehingga berjaya menurunkan hampir enam kilogram (kg) semata-mata untuk menjayakan watak Dr Malini demi *Keluang Man*.

Shweta sanggup mengikat perut sehingga berjaya menurunkan hampir enam kilogram (kg) semata-mata untuk menjayakan watak Dr Malini demi *Keluang Man*.

"Sepanjang proses ini, saya memang sangat menjaga pemakanan dengan ketat dan melakukan aktiviti kesihatan seperti gimnasium, yoga dan pilates.

"Dalam tempoh tiga bulan saya berjaya turunkan berat badan sehingga hampir enam kg, malah masih lagi menjaga makan sepanjang penggambaran," katanya.

## Anwaar Beg Moghal sebagai Inspektor Sahab

Memiliki wajah seperti pelakon Bollywood, Anwaar Beg Moghal tidak menyangka terpilih untuk membawakan watak sebagai Inspektor Sahab dalam filem ikonik superhero negara, Keluang Man.

Menyifatkan perkara itu sebagai rezeki, Anwaar turut berkongsi perasaannya apabila terlibat dengan projek mega tersebut.

"Alhamdulillah ini merupakan projek besar untuk saya. Pengalaman sewaktu penggambaran bagi saya sangat best dan mengujakan, banyak babak aksi yang dilakonkan.

"Karakter Inspektor Sahab itu sangat berbeza dengan saya, tetapi untuk menjayakan watak itu saya juga memakai turban sama seperti watak tersebut.

"Dari segi dialog pula boleh dikatakan sedikit campuran, ada bahasa Melayu, Inggeris dan juga Punjabi.

"Inspektor Sahab dan Keluang Man ini boleh dikatakan mempunyai 'love-hate' relationship. Mereka tidak boleh hidup antara satu sama lain dan begitu juga sebaliknya," ujarnya

Keluang Man merupakan terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasal Productions.

Nantikan tayangan filem Keluang Man di pawagam seluruh negara pada 29 Mei 2025.





# SHWETA SEKHON

Shweta, wanita cantik berketinggian 172 cm yang berasal dari Kuala Lumpur ini menyimpan hasrat untuk terus terbang tinggi dalam industri perfilman melayu.

## Antara fakta tentang Shweta:

- Sebelum mencipta nama sebagai pelakon, Shweta pernah meraih gelaran Miss World Malaysia 2016 dan Miss Universe Malaysia 2019.
- Tak mudah mendapatkan watak Dr Malini, Shweta terpaksa turun naik beberapa kali pejabat produksi untuk menjalani proses uji bakat.
- Shweta akan bertutur menggunakan bahasa ibundanya iaitu bahasa punjabi dalam Keluang Man untuk babak babak tertentu.
- Pernah membintangi beberapa drama namun ini kali pertama berlakon dalam filem Melayu.
- Berhasrat untuk memperbaiki penguasaan bahasa supaya dapat mencipta nama dalam industri filem dan drama Melayu.

# ANWAAR BEG MOGHAL

Siapa sangka pelakon kacak berusia 43 tahun ini nampaknya bukan sahaja beraksi dalam negara, bahkan turut mencipta nama sehingga ke peringkat antarabangsa.

- Merupakan teraju utama dalam filem Punjabi pertama Malaysia berjudul Mundey Kampung Dey.
- Anwaar sebelum ini pernah berkolaborasi dalam beberapa projek di peringkat antarabangsa, antaranya dengan BBC dari United Kingdom, projek di Singapura serta Pakistan.
- Merupakan penerima anugerah Asia's The Man Achiever Award yang dikuasakan oleh World Research Congress di bawah kategori Ásia's Fine Arts Award.
- Sama seperti Shweta, Anwaar juga akan bertutur menggunakan bahasa punjabi dalam Keluang Man untuk babak babak tertentu.
- Anwaar berasal dari Pakistan dan boleh bertutur dalam bahasa Urdu.
- Pernah muncul dalam Gegar Vaganza All Stars untuk membuat persembahan bersama Jaclyn Victor bagi minggu yang bertemakan Bollywood. Jaclyn pada ketika itu membawakan lagu popular berjudul Bole Chudiyam.
- Telah berada dalam industri seni sejak 10 tahun lalu



## Manisnya Cinta Eyka Farhana - Akhyar & Sufian - Rania, Kini Suami Isteri

Bukan seorang tetapi dua selebriti tempatan menamatkan zaman bujang dan dara mereka dengan sangat sederhana pada Jumaat, 2 Mei lalu.

Mereka adalah penyanyi, Sufian Suhaimi, 33, dan Rania Al Sadat, 25, yang selamat bergelar suami isteri dalam sebuah majlis akad nikah yang berlangsung secara tertutup di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Pernikahan Sufian bukan mendadak sementelah penyanyi itu sudah mengikat tali pertunangan dengan sang pujaan hati pada Februari lalu.

Namun untuk kali ini, 'langkah' Sufian lebih kemas. Semua tidak diwar-warkan sevara berlebihan sebelum sampai waktu ijab kabul. Hanya dua bulan bertunang, Sufian rasmi bergelar suami kepada Rania yang telah dikenali sejak 2022 dengan sekali lafadz.

Kini sebagai suami isteri, mereka meraikan pelayaran yang baru bermula dengan sebuah lagu berjudul *Saksi*; lambat cinta yang baru mahu diraikan dalam rumah tangga.

Satu pasangan terkenal lagi yang menikah pada hari sama adalah pelakon Eyka Farhana, 30, dan pemain bola sepak kebangsaan dan Terengganu FC (TFC), Akhyar Rashid, 26.

Bertunang pada Ogos tahun lalu, pasangan yang sudah melewati pelbagai dugaan sepanjang lima tahun bercinta dinikahkan bapa Eyka, Wan Sarmizi Wan Ibrahim dalam majlis yang berlangsung di Boathouse By The Lake Ampang.

Eyka dan Akhyar juga memilih meraikan penyatuan kasih dan cinta mereka secara sederhana dengan hanya dihadiri keluarga terdekat dan sahabat rapat.

Menariknya, dua pasangan sejoli ini boleh memilih untuk mewar-warkan hari bahagia mereka; entah itu untuk tujuan mendapat tajaan atau sekadar berkongsi kegembiraan tetapi memilih untuk diam-diam selamat diijabkabulkan.

Apa yang pasti tanpa hebohan, mereka dapat meraikan majlis pernikahan seperti dirancang.

Selamat pengantin baharu Sufian dan Rania serta Eyka Farhana juga Akhyar, semoga berbahagia sampai ke syurga. - MALIAH SURIP

## Keluarga Sendiri, Tiri ; Air Dicincang Tidak Akan Putus

Macam sebuah dongeng yang menjadi kenyataan, ada banyak kes keluarga berantakan kerana kehadiran ibu, bapa atau adik-beradik tiri.

Dan akan ada banyak episod demi episod serta plot demi plot yang mungkin akan menjadi satu plot twist pada pengakhiran.

Tidak terkecuali, ada dalam kalangan selebriti Malaysia yang mempunyai keluarga tiri. Ini termasuklah Datuk Seri Siti Nurhaliza (anak-anak tiri), Shila Amzah (ibu tiri) dan yang mencetuskan sensasi baru-baru ini Nabila Huda (ibu tiri) ; semuanya suka atau tidak, meraikan atau menolak, mereka adalah satu keluarga.

Mengambil contoh bagaimana pesohor Indonesia, Kris Dayanti yang bertahun-tahun mempunyai hubungan rengang bersama anak perempuan bersama bekas suami, Anang Hermansyah, Aurel Hermansyah. Aurel dan adik lelakinya malah lebih akrab dengan ibu tiri mereka, Ashanty.



Bukan setahun dua hubungan ibu dan anak itu rengang. Namun kehadiran cahaya mata pertama Aurel yang dikongsi dengan YouTuber Atta Halilintar menghancurkan ego dan perasaan 'keras hati' masing-masing. Kini keduanya kembali menjadi 'anak dan ibu' seperti layaknya.

Dari kes Kris Dayanti dan Ashanty juga kita belajar yang namanya manusia — tidak kira darah daging sendiri atau keluarga tiri jika mempunyai peribadi dan akhlak yang baik serta saling menghormati, maka hal-hal tidak enak dapat dielakkan.

Tidak kira juga jika pergeseran datang dari sang ibu atau bapa tiri, meminta maaf tidak seberat memindahkan samudera, maka tidak salah juga memulakan langkah dahulu.

Begini juga buat sang anak, sebagai yang lebih muda, santuni ibu dan bapa meski hati terluka. Kerana pada akhirnya umpama pepatah air dicincang tidak akan putus, begitulah pertalian keluarga yang pernah melewati suka dan duka bersama.

Semoga ada sinar dan iktikad baik untuk sesiapapun yang bermasalah dalam keluarga. - MALIAH SURIP



# GEMPAK SINEMA




Pengarah: Osman Ali

Pelakon: Farid Kamil, Maya Karin, Nabila Huda, Scha Alyahya, Ellie Suriaty, Puteri Rafasya

Genre: Seram

Mengisahkan kehilangan misteri seorang kanak-kanak bernama Suriram di sebuah kampung terpencil, yang mencetuskan spekulasi penduduk tentang amalan mistik kuno melibatkan korban kanak-kanak. Mayat Suriram ditemui di dalam telaga lama, namun kengerian tidak berakhir di situ, rohnya mula menghantui dan menyeka penduduk kampung. Maimon (Nabila Huda), pengasuh bisu yang terakhir dilihat bersama Suriram, menjadi suspek utama, manakala ibunya Rohaya mula hilang kewarasan akibat trauma. Dalam usaha menyiasat kes ini, Zakir dan Inspektor Karmila mendapati semakin mereka mendekati kebenaran, semakin kuat gangguan roh Suriram, hingga nyawa demi nyawa terus terkorban.




Pengarah: Rajkumar Gupta

Pelakon: Ajay Devgn, Riteish Deshmukh, Vaani Kapoor, Rajat Kapoor, Saurabh Shukla

Genre: Thriller, Drama, Jenayah

Seorang pegawai cukai pendapatan, Amay Patnaik, berdepan dengan jaringan rasuah yang berakar di Bhoj. Di sebalik wajah kejujuran, tersembunyi operasi gelap yang berpunca daripada Dada Bhai, seorang ahli politik yang dihormati masyarakat.

Ketika Amay mula merungkai satu demi satu penipuan di ladang-ladang dan benteng lama, hanya satu persoalan yang terus bermain di fikiran: mampukah keadilan ditegakkan, atau kuasa akan terus menutup kebenaran?



Pengarah: David F. Sandberg

Pelakon: Ella Rubin, Michael Cimino, Yoo Ji-Young, Odessa A'zion, Maia Mitchell

Genre: Seram

Setahun selepas kakaknya, Melanie, hilang secara misteri, Clover dan rakan-rakannya menuju ke sebuah lembah terpencil tempat Melanie dilaporkan lenyap, demi mencari jawapan. Ketika mereka meneroka sebuah pusat pelawat terbiar, kumpulan itu mula diburu oleh pembunuhan bertopeng dan dibunuh satu demi satu dengan kejam.

Terperangkap di lembah itu, mereka terpaksa mengulangi malam tersebut berulang kali — namun setiap kali, ancaman pembunuohnya berbeza dan semakin menakutkan. Harapan semakin pudar, satu-satunya cara untuk melepaskan diri adalah dengan bertahan hingga subuh.

## Norrisham, Achik Mael & Amira Othman Kuasai Carta Trending GMW Minggu Ini!

Pempengaruh Norrisham menduduki tempat pertama kategori Foodie, mengatasi pencipta kandungan popular seperti Jason, Sofiia Marieylla, Isaac Osman dan Darus Lantak.

Sementara itu, dalam kategori Entertainment, Achik Mael mengungguli senarai diikuti oleh Zuly Ali, Ki Misri, The Pretty Mamas dan Arwind Kumar.


Untuk carta lagu paling trending, "Bila Nak Kahwin?" oleh Amira Othman menduduki tangga teratas, diikuti oleh "Nurcinta" (Amir Masdi), "KUDETA" OST Kahar Kapla, "Keluang Man" (Krisya & SOG), dan "Rahsia Tuhan" (Noh Salleh).

Akhir sekali, antara selebriti paling trending minggu ini ialah Amira Othman yang terus mencuri perhatian, diikuti oleh Shukri Yahaya, Zahiril Adzim, Faizal Hussein dan Ummi Nazeera.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### Digital Creator Trending (Lifestyle)

- No 1: Christy Ng
- No 2: Fazli Halim
- No 3: Haroqs
- No 4: Nabilah Nazib
- No 5: Nadiah Razman

### Digital Creator Trending (Foodie)

- No 1: Norrisham
- No 2: Jason
- No 3: Sofiia Marieylla
- No 4: Isaac Osman
- No 5: Darus Lantak

### Digital Creator Trending (Entertainment)

- No 1: Achik Mael
- No 2: Zuly Ali
- No 3: Ki Misri
- No 4: The Pretty Mamas
- No 5: Arwind Kumar

### Video Muzik Trending

- No 1: Kerana Ego - Khai Bahar
- No 2: Hijab Rindu - Black Hanifah
- No 3: lagu lelaki gila. - Naim Daniel (ft. Azwan Ali)
- No 4: PIPI - Fahimi Rahmat
- No 5: Salahkah Aku? - Luqman Podolski

## Konsert MeleTOP TVS Bakal Gegar Miri 17 Mei Ini!



Buat julung kalinya, Astro dan TVS akan menganjurkan Konsert MeleTOP TVS di luar Semenanjung, bertempat di Stadium Bandaraya Miri (Tertutup), Sarawak pada 17 Mei 2025.

Bertemakan 'Nang Champiyan Nang Lagend', konsert ini bakal menyatukan artis hebat dari Semenanjung dan Borneo termasuk Dayang Nurfaizah, Hael Husaini, Stacy, DOLLA, Sada Borneo dan ramai lagi.

Disiarkan secara langsung di TVS (122), Astro ONE dan sooka, konsert ini akan dihoskan oleh Nabil Ahmad, Sherry Alhadad, Hawa Rizwana serta pengacara TVS. Ulangan akan disiarkan di Astro Ria (104) pada 25 Mei.

Menjelang konsert, acara Hello Miri akan diadakan pada 9-11 Mei di Permaisuri Imperial City Mall dengan sesi bertemu peminat dan persembahan selebriti seperti Siti Saleha, Haneesya Hanee dan Tomok.

Ujibakat Kilauan Emas 2025 turut diadakan pada 9 Mei, 10 pagi hingga 10 malam. Kunjungi booth Astro sepanjang acara untuk info produk dan promosi menarik!

## Astro Kini Tawar Amazon Prime Video di Ultra & Ulti Box, Dua Bulan Percuma!



Astro kini bekerjasama dengan Amazon untuk menawarkan aplikasi Prime Video terus di Ultra dan Ulti Box, membolehkan pelanggan strim kandungan popular seperti The Boys, Reacher, Fallout serta drama tempatan seperti Budak Flat dan Kayangan.

Mulai 24 April hingga 23 Jun 2025, pelanggan Astro boleh nikmati dua bulan akses percuma ke Prime Video (bernilai RM50), tanpa caj tambahan.

Kerjasama ini memudahkan akses kepada hiburan global dan tempatan di satu platform, selaras dengan usaha Astro menyatukan lebih 13 aplikasi penstriman termasuk Netflix, Disney+ Hotstar, Viu dan banyak lagi.

Untuk mula menonton, buka aplikasi Prime Video di Ultra/Ulti Box, daftar akaun Amazon dan imbas kod QR yang dipaparkan. Maklumat lanjut dan langganan: [www.astro.com.my](http://www.astro.com.my) atau WhatsApp "Hi" ke 03-9543 3838.

## Konsert Solo Pertama Amy Search Sarat Emosi, Bukti Karier Belum 'Mati'



Konsert solo pertama Amy Search bertajuk "The Greatest Concert: Magic Konsert Solo Pertama" di Axiata Arena, 26 April lalu membuktikan legenda rock ini masih berbisa walau pada usia 67 tahun.

Dengan susunan muzik baharu, persembahan bertenaga dan barisan lagu ikonik seperti Isabella, Fantasia Bulan Madu dan Rozana, Amy tampil meyakinkan, menepis segala keraguan terhadap kredibilitinya.

Penampilan Hillary Ang dan segmen penghargaan kepada Datuk M. Nasir turut memanaskan pentas.

Konsert ini dilihat sebagai kebangkitan semula Amy yang selama ini dikecam dan dipandang enteng, namun membalasnya dengan persembahan penuh magis, emosi dan profesionalisme. Ia bukan sekadar persembahan — ia bukti bahawa perjuangan raja rock Malaysia masih belum selesai.

## Keluang Man Gegar Final Piala Malaysia Di SNBJ

Final Piala Malaysia 2024/2025 di Stadium Nasional Bukit Jalil bukan sahaja meriah dengan aksi Johor Darul Ta'zim (JDT) menentang Sri Pahang FC, tetapi turut dimeriahkan dengan kemunculan khas Nas-T sebagai Keluang Man dan penyanyi Krisya, yang menyampaikan lagu runut bunyi rasmi filem tersebut.

Dengan kostum adiwira ikonik dan gaya penuh yakin, Nas-T menerima sorakan hebat daripada lebih 40,000 penonton, menandakan kejayaan gabungan industri hiburan dan sukan di pentas berprestij negara.

Persembahan ini turut memperkenalkan filem Keluang Man terbitan Astro Shaw yang bakal ditayangkan di pawagam pada 29 Mei 2025.

Filem arahan Anwari Ashraf ini menampilkan barisan pelakon hebat termasuk Nas Muammar Zar, Remy Ishak, Rosyam Nor, Shweta Sekhon dan ramai lagi, serta mendapat sokongan rakan strategik seperti GSC, Idea River Run dan Wonda Kopi.



## Schola Lancar Platform Teroka Kerjaya, Bantu Pelajar Malaysia



Platform penerokaan kerjaya digital percuma pertama di Malaysia untuk pelajar sekolah menengah, Chola secara rasminya telah dilancarkan minggu lalu.

Bertempat di The Grounds, MAHSA Avenue, Kuala Lumpur, pelancaran itu diadakan bersempena dengan 'Kepoh Kerja dengan Schola' iaitu festival penemuan kerjaya yang menampilkan lebih 50 profesional dengan hampir 700 hadirin mengambil bahagian.

Acara tersebut bertujuan untuk membantu golongan muda menemui laluan kerjaya sebenar.

Diusahakan oleh Yayasan Creador, Schola telah membangunkan lebih 150 panduan kerja yang menyediakan pelajar dengan pandangan kerjaya dalam kehidupan sebenar.

Sejak diperkenalkan pada Ogos 2024, Schola telah menjangkau lebih 190,000 pengguna di semua negeri, menjana 4.7 juta tontonan media sosial dan mendapat sokongan daripada 2,300 guru di seluruh negara.

Majlis pelancaran Schola dihoskan oleh personaliti media sosial, Ceddy Ang, dan turut dihadiri oleh pencipta kandungan, Amin dan Abid. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Schola, layari [schola.org.my](http://schola.org.my).



## Financial Faiz

@financialfaiz

### Nak Pencen 10 Tahun Lagi? Jangan Tergesa Beli Kereta Baru



Pendidik kewangan, Faiz Azmi menasihatkan agar individu yang bakal bersara dalam tempoh 10 tahun supaya tidak tergesa-gesa membeli kereta baru, sebaliknya terus menggunakan kenderaan sedia ada selagi masih dalam keadaan baik.

Menurut Faiz, ramai membuat keputusan membeli kereta baru terlalu awal kerana takut tidak sempat atau terpengaruh dengan fenomena 'fear of missing out' (FOMO).

Namun, tindakan itu boleh merugikan dari segi kewangan dalam jangka panjang.

"Jangan beli dulu, 10 tahun itu untuk sampai pencen lama tempohnya. Kalau anda beli kereta sekarang, nanti bila dah pencen, kereta pun dah 10 tahun. Kereta itu akan jadi usang," jelasnya.

Faiz menyarankan agar individu menjaga kereta sedia ada dengan baik melalui penyelenggaraan berkala dan penukaran alat ganti penting supaya masih boleh digunakan dengan selamat dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kalau kereta sekarang masih elok, pakai sahaja kereta itu selagi selamat dan boleh jalan jauh. Maintain elok-elok, tukar timing belt, jaga servis, buat benda yang sepatutnya," tambahnya.

Pada masa sama, Faiz turut mencadangkan agar pembelian kereta baru ditangguhkan sehingga satu atau dua tahun sebelum bersara. Bagaimanapun jika kenderaan lama sudah terlalu uzur dan ciri keselamatannya tidak lagi memadai, barulah dipertimbangkan untuk diganti.

"Nanti bila dah tinggal satu atau dua tahun nak pencen, barulah anda tengok balik. Kalau kereta yang sedia ada itu dah uzur sangat dan safety features pun dah barai, barulah cari penganti."

"Dan masa nak tukar nanti, jangan beli kereta baru terus. Cari kereta yang terpakai yang baru 2 atau 3 tahun sebab kita nak elakkan depreciation tahun pertama, kedua dan ketiga itu memang akan jatuh teruk. Rugilah kereta itu jadi mahal."

"Kereta makin lama makin murah ataupun harga dia maintain, cuma features dia jauh lebih baik. Kalau beli awal sangat pun, bila betul-betul nak pakai waktu pencen itu, kereta pun dah jadi besi buruk. So sabar itu adalah savings kita," katanya lagi.



## Foodpanda Heroes Nab Snatch Thief

Six Foodpanda riders in Klang were hailed as heroes after they bravely helped police capture a serial snatch thief who had been targeting women walking alone.

When one rider witnessed the suspect attempting a snatch theft, he quickly alerted his fellow riders and together they chased and detained the thief until authorities arrived.

Their swift and courageous action earned them praise from the Selangor police and appreciation certificates for helping end the thief's crime spree.




## 59% Malaysians Quit Due To Bad Work Culture

A recent report shows that 59% of Malaysian employees have left their jobs due to toxic work environments, marking the highest percentage in the Asia Pacific region.

The study highlights that many workers are driven to resign because of poor leadership, lack of respect, bullying, burnout and unhealthy workplace cultures that affect both their mental well-being and job satisfaction.

This trend signals growing concern over workplace toxicity in Malaysia, with employees increasingly prioritizing healthy, respectful and supportive environments over simply staying employed.



## M. Nasir Takes Over Wonda Billboards

Iconic Malaysian singer M. Nasir has taken center stage in Wonda Coffee's latest billboard campaign across the Klang Valley, surprising fans and coffee lovers alike.

Known for his legendary contributions to the local music scene, M. Nasir revealed that Wonda Coffee is genuinely his favorite drink, making the collaboration feel authentic and personal.

The campaign showcases his signature style and charisma on multiple billboards, adding a nostalgic yet refreshing twist to the brand's image.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)